

Baca petikan dan memahami maklumat dalam setiap perenggan. Kemudian padankan maksud kosa kata yang berhuruf tebal di bawah.



Pada setiap hari Ahad, Ani akan **membantu** ibunya, Puan Amina. Ani dan Puan Amina membersihkan kawasan di halaman rumah mereka. Terdapat pelbagai jenis pokok bunga yang ditanam oleh ibunya di halaman rumah.

Antara pokok bunga yang ditanam oleh Puan Aminah ialah pokok bunga ros, mawar, orkid dan **kaktus**. Puan Amina menggunakan peralatan berkebun untuk membersihkan pokok bunganya. Puan Amina akan membuang daun-daun pokok yang mati, manakala Ani akan membantu ibunya **menyiram** pokok-pokok bunga tersebut supaya kekal **subur**.

Setelah membersihkan tanaman, Puan Amina **menyimpan** peralatan yang digunakan di dalam stor kerana peralatan tersebut tajam dan berbahaya. Sebagai contoh, gunting, penggembur dan sudip tangan. Tanaman yang subur akan menceriakan **kediaman** rumah mereka.

membantu	Tumbuhan yang berbatang hijau dan berduri
kaktus	Tempat tinggal
menyiram	Memberikan pertolongan
subur	Mencurah air pada sesuatu
menyimpan	Menaruh di suatu tempat
kediaman	Tumbuh dengan baik